

Headline	Buat penilaian pokok berisiko		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	19 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,557
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,670



Buat penilaian **pokok berisiko**

Tindakan samada tebang dilakukan selepas terima keputusan penilaian FRIM

GONG BADAK - Kerajaan negeri bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) bagi menilai kesemua pokok di sekitar jalan utama dan kawasan rekreasi supaya tindakan yang bakal diambil memberi manfaat kepada semua pihak.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, penilaian itu dibuat bagi mengambil kira keselamatan orang awam dan faedah pokok yang ditanam itu kepada persekitaran.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan FRIM akan bekerjasama untuk membuat penilaian terhadap kesemua pokok yang berisiko kerana pihaknya tidak boleh mengambil tindakan drastik dengan terus menebang.

"Beberapa orang pegawai



Ahmad Razif (dua, kiri) meletakkan hiasan pada bubur asyura.

FRIM juga sudah datang ke sini (Terengganu) untuk membuat penilaian dan keputusan akan dibuat dalam masa terdekat," katanya.

Ahmad Razif berkata, ada

sesetengah pokok memberi manfaat kepada persekitaran termasuk membekalkan oksigen dan sebagainya.

"Buat masa ini PBT sedang giat mencantas dan

membersihkan pokok-pokok di jalan utama supaya keselamatan awam lebih terjamin selain menceriakan kawasan," katanya.

Beliau berkata demi-

INFO ● Cantas, bersihkan pokok di jalan utama

kian ditemui pada Majlis Kacau Sura Perdana Daerah Kuala Nerus di pekarangan Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, di sini, semalam.

Tambahnya, pokok-pokok akan ditebang secara berperingkat sekiranya ia dinilai memberi risiko tinggi kepada orang awam.

"Bagi yang kurang berisiko ia akan dirapikan dengan mencantas dahan tidak diperlukan," katanya.

Kerajaan negeri sebelum ini mengarahkan PBT segera menebang dan mencantas dahan pokok berisiko di kesemua jalan utama susulan kes dua maut, manakala tiga

lagi cedera apabila kenderaan yang dinaiki mereka dihempap pokok di Jalan Batu Rakit berdekatan Kampung Mengabang Lekar, Batu Rakit 7 Oktober lalu.

Dalam insiden menyayat hati membabitkan dua kenderaan itu menyaksikan seorang calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pemandu van Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Batu Rakit maut di lokasi kejadian akibat kecederaan parah.

Sementara itu, sebanyak 117 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan memasak bubur asyura yang bertemakan cara lama dimensi baharu itu.

Penyertaan itu terdiri daripada jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) dan agensi kerajaan yang lain.